



JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA

10-12 NOVEMBER 2025 (ISNIN - RABU)

Hanya 22 daripada 166 pusat penyembelihan ayam di Pahang memiliki sijil halal

MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT	TARIKH
Harian Metro	-	Dalam Talian	10 Nov



Kuantan: Hanya 22 daripada 166 pusat penyembelihan ayam di Pahang mempunyai sijil halal.

Pengarah Jabatan Agama Islam Pahang (JAIP), Datuk Ahmad Khirrizal Ab Rahman, berkata 15 pusat penyembelihan mempunyai sijil halal itu dimiliki pengusaha beragama Islam dan tujuh bukan Islam.

Menurutnya, JAIP sudah memberi nasihat kepada semua pengusaha memohon sijil halal namun ramai dikalangan mereka belum bersedia.

Katanya, antara punca pengusaha tidak memohon sijil halal kerana 128 pusat penyembelihan ayam terbabit beroperasi tanpa lesen dikeluarkan Jabatan Perkhidmatan Veterinar (JPV) Pahang.

Syarat memperoleh sijil halal pusat penyembelihan ayam terbabit perlu mempunyai lesen operasi dikeluarkan JPV Pahang. "Tindakan itu penting bagi menjamin ayam disembelih mematuhi hukum syarak, halal dimakan, bersih, selamat dan berkualiti," katanya menerusi kenyataan, di sini, hari ini.

Ahmad Khirrizal berkata, walaupun sebahagian besar pusat penyembelihan tidak mempunyai sijil halal, JAIP akan terus memantau bagi memastikan ayam disembelih mematuhi hukum syarak.

Menurutnya, JAIP dengan kerjasama JPV Pahang, Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN), mengadakan pemeriksaan mengejut di lima rumah penyembelihan di Bentong, semalam.

Katanya, pusat penyembelihan terbabit terletak di Lurah Bilut, Kampung Sertik dan Karak, tidak memiliki lesen operasi JPV Pahang serta tiada sijil halal.

"Tiga pusat penyembelihan terbabit dikendalikan pengusaha beragama Islam dan dua diusahakan bukan Islam.

"Menerusi operasi dilancarkan antara jam 2 pagi dan 7 pagi itu, sebuah pusat penyembelihan ayam dikenakan tindakan mengikut Kaedah Loji Penyembelihan Unggas 2017 kerana beroperasi tanpa lesen dan dikenakan kompaun.

"Tindakan tegas itu dilakukan kerana JPV sudah menasihat dan mengarah pengusaha pusat penyembelihan ayam

terbabit memohon lesen tetapi tidak dipatuhi," katanya.

Menurut beliau, dua daripada lima pusat terbabit sudah memohon lesen operasi daripada JPV Pahang tetapi belum diluluskan. Katanya, pemeriksaan mengejut itu dilakukan bagi memastikan pemegang tauliah menyembelih patuh hukum syarak dan mengikut garis panduan ditetapkan.

"Operasi sama akan dilancarkan di seluruh Pahang dari semasa ke semasa bagi memastikan semua pusat penyembelihan mematuhi hukum syarak," katanya.

Kebergantungan Malaysia terhadap import makanan berterusan walaupun ayam dan telur mempunyai sara diri yang tinggi

MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT	TARIKH
New Straits Time	-	Dalam Talian	10 Nov



Sehingga Oktober, unjuran pengeluaran ayam berjumlah 70.65 juta ekor di peringkat ladang, mengekalkan bekalan yang stabil untuk memenuhi permintaan negara -
GAMBAR FAIL BERNAMA, UNTUK TUJUAN ILUSTRASI SAHAJA

KUALA
Pergantungan
terhadap import makanan
kekal ketara walaupun nisbah
sara diri (SSR) agak tinggi
untuk ayam, telur dan sayur-
sayuran tertentu, persidangan
Dewan Rakyat hari ini.

Menteri Pertanian dan
Keselamatan Makanan Datuk
Seri Mohamad Sabu berkata
stok beras negara mencukupi
untuk menampung
permintaan domestik selama
kira-kira enam bulan,
manakalabekalan ayam kekal
stabil.

LUMPUR:
Malaysia

“Sehingga 21 Okt, stok beras
negara Malaysia berjumlah
1,190,308 tan metrik, terdiri
daripada 990,308 tan metrik
stok komersial dan 200,000
tan metrik stok penimbal
nasional.

“Jumlah ini mencukupi untuk
menampung keperluan
domestik selama lebih
kurang enam bulan.

"Sehingga Oktober 2025, unjuran pengeluaran ayam berjumlah 70.65 juta ekor di peringkat ladang, mengekalkan bekalan yang stabil untuk memenuhi permintaan negara," katanya menjawab soalan Aminolhuda Hassan (PH-Sri Gading).

Aminolhuda juga telah meminta penjelasan mengenai strategi Kementerian untuk memastikan Malaysia mencapai tahap sara diri makanan.

Mohamad berkata, menurut laporan Indeks Keselamatan Makanan Global (GFSI) 2022 yang diterbitkan oleh Economist Impact, tahap keselamatan makanan Malaysia dikategorikan sebagai "sederhana", dengan skor 69.9.

Sekiranya menghadapi cabaran luar seperti sekatan import makanan, Nisbah Kecukupan Diri (SSR) dan Nisbah Ketergantungan Import (IDR) akan digunakan sebagai petunjuk ukuran utama, katanya.

"Berdasarkan laporan yang diterbitkan Jabatan Perangkaan Malaysia, SSR 2023 bagi beras (56.2 peratus) dan ayam (90.2 peratus) mencatatkan sedikit penurunan.

"Bagaimanapun, pertumbuhan positif dicatatkan bagi daging lembu dan kerbau (15.9 peratus) dan susu segar (66.8 peratus).

"Sementara itu, WPI bagi daging lembu dan kerbau, daging kambing dan biri-biri, susu segar, dan sayur-sayuran terpilih seperti cili menunjukkan trend menurun.

"Namun begitu, terdapat peningkatan dalam WPI bagi beras, ayam, dan sayur-sayuran terpilih seperti bayam dan bendi," katanya.

Bagi menangani potensi risiko dan mengukuhkan sara diri makanan, Mohamad berkata beberapa strategi utama telah dilaksanakan, termasuk meningkatkan mekanisme pelaksanaan industri padi dan beras negara melalui 12 inisiatif di bawah program Padi Wave.

Beliau berkata Kementerian juga telah mempelbagaikan sumber import barangan keperluan makanan seperti beras, daging lembu, ayam dan susu bagi mengelak kebergantungan kepada satu negara, antara langkah lain.

"Kementerian yakin strategi dan inisiatif ini akan meningkatkan pengeluaran dan produktiviti domestik, mengurangkan kebergantungan kepada makanan import, dan seterusnya memperkukuh keselamatan makanan negara – selaras dengan matlamat yang digariskan di bawah Dasar Agromakanan Negara 2021–2030 (NAP 2.0) dan Pelan Tindakan Dasar Keselamatan Makanan Negara 2021–2025," katanya.

Sementara itu, Mohamad berkata pada masa ini tiada dasar untuk membawa masuk pesawah dari luar Sarawak bagi tujuan membangunkan jelapang padi di negeri ini.

Penternak Dakwa Lembu Mati Dipercayai Termakan Bahan Kimia			
MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT	TARIKH
Bernama	-	Dalam Talian	10 Nov



BATU GAJAH, 9 Nov (Bernama) -- Seorang penternak di Taman Tronoh Baru, di sini kerugian kira-kira RM50,000 apabila 17 ekor lembu ternakannya mati dipercayai akibat termakan rumput yang telah tercemar dengan bahan kimia berbahaya. R. Nithiananthan, 38, berkata insiden itu disedarinya pada 5 Nov lepas apabila mendapati sebahagian besar lembu ternakannya mati berhampiran kawasan kolam dan parit di lokasi ragutan biasa.

"Saya melepaskan lembu seperti biasa di sekitar kawasan ragutan sehari sebelum kejadian, tetapi seekor demi seekor lembu mati di dalam air. Bau di kawasan itu memang pelik, kuat seperti bahan kimia," katanya ketika ditemui pemberita di lokasi kejadian. Nithiananthan berkata dia telah membuat laporan polis pada 6 Nov dan perkara itu turut dimaklumkan kepada Jabatan Perkhidmatan Veterinar serta Jabatan Alam Sekitar (JAS) untuk tindakan selanjutnya.

Sementara itu, seorang penduduk Nor Affandi Ahmad, 51, mendakwa aktiviti pembuangan sisa dipercayai bahan kimia di kawasan berkenaan dikesan berlaku sejak sebulan lepas. "Mereka datang waktu malam, menabur bahan (dipercayai bahan kimia) dan menimbunnya dengan sampah lain. Bau memang sangat kuat dan lain daripada biasa. Sudah tiga kali saya menegur pemandu lori yang datang (untuk membuang sisa terbabit), tetapi dia hanya menjawab okeylah," katanya. Nor Affandi berkata terdapat kira-kira lima lokasi pembuangan dalam lingkungan 200 meter dari kawasan perumahan dan ada penduduk yang mengalami kegatalan pada kulit serta rasa miang selepas melalui kawasan berkenaan. Sementara itu, Ketua Pusat Khidmat dan Aduan Awam Barisan Nasional (BN) Perak Mohd Rawi Abdullah berkata pihaknya telah meninjau lokasi kejadian dan menggesa supaya pembuangan bahan kimia itu disiasat segera oleh pihak berkuasa.

Nyaris mau rempuh lembu			
MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT	TARIKH
Kosmo!	Negara	14	12 Nov

Nyaris maut rempuh lembu

- **Kereta dinaiki pesara langgar lembu melintas di LPT2**
- **Ternakan turut mati bergelimpangan**

Oleh NIK NUR IZZATUL
HAZWANI NIK ADNAN

KEMAMAN – Pasangan suami isteri yang juga pesara pensyarah nyaris maut apabila kereta

Honda Accord yang mereka naiki merempuh sekumpulan lembu yang tiba-tiba melintas di Kilometer 301.5 Lebuhraya Pantai Timur 2 (LPT2) berhampiran surus ke Plaza Tol Kijal, di sini semalam.

Dalam kemalangan pada pukul 4.50 pagi itu, mangsa, Khlipah Ibrahim, 65, yang memandu kereta itu mengalami lebam pada bahagian tangan, manakala suaminya, Ahmad Aziz, 67, terselamat tanpa seba-

rang kecederaan.

Ketua Polis Daerah Kemaman Superintenden Mohd. Razi Rosli berkata, sewaktu kejadian, pasangan tersebut dalam perjalanan ke Kuantan, Pahang dari rumah mereka di pusat bandar Dungun.

"Setiba di lokasi, kereta jenis Honda Accord yang mereka naiki yang berada di lorong kanan gagal mengelak sekumpulan lembu yang tiba-tiba muncul lalu merempuh ternakan itu.

"Haiwan yang melintas itu dianggarkan antara lima hingga tujuh ekor," katanya ketika dihubungi semalam.

Menurutnya, sebahagian lembu yang dilanggar itu mati dan bergelimpangan di atas lebuhraya.

Katanya, kereta Honda Accord terlibat pula mengalami kerosakan pada bahagian hadapan.

Kes diklasifikasikan mengikut Peraturan 10 Kaedah-Kaedah Lalu Lintas Jalan 1959.



SEBAHAGIAN lembu yang mati akibat dilanggar sebuah kereta Honda Accord di KM301.5, LPT2 berhampiran Plaza Tol Kijal, Kemaman semalam.

TERIMA KASIH

DISEDIAKAN OLEH:

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR